

D385

R B960 BAH
MAHATHIR - ISLAM

PULAU PINANG, 19 (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGINGATKAN UMAT ISLAM DI NEGERI INI AGAR BERWASPADA AKAN MASA DEPAN NEGARA DENGAN MEMIKIRKAN SAMA ADA GOLONGAN ISLAM AKAN TERUS MENJADI TULANG BELAKANG KERAJAAN ATAU HANYA SATU KUMPULAN KECIL SELEPAS 21 OKT INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA RAKYAT HENDAKLAH SAMA-SAMA MEMIKIRKAN PERKARA ITU ATAU AKAN MENJADI KUMPULAN YANG AKAN +MENYEMBAH+ PIHAK LAIN SELEPAS PILIHAN RAYA INI.

INI KERANA KEJADIAN SEUMPAMA ITU PERNAH BERLAKU DI NEGARA-NEGARA LAIN, YANG WALAUPUN ORANG ISLAM MERUPAKAN GOLONGAN MAJORITI, ORANG LAIN PULA YANG BERKUASA, KATANYA KETIKA BERUCAP SELEPAS MENUNAIKAN FARDU JUMAAT DI MASJID SUNGAI TIRAM, BAYAN LEPAS DI SINI HARI INI.

+KALAU UMAT ISLAM TERUS BERPECAH-BELAH, KUASA YANG DIPEGANG SEKARANG TIDAK AKAN KEKAL, WALAUPUN KAUM ISLAM PALING BANYAK DI NEGARA INI IAITU 54 PERATUS.+

+PERPECAHAN DI KALANGAN ORANG ISLAM KINI ADALAH KERANA PERBEZAAAN PANDANGAN POLITIK, TETAPI HARUSKAH PERBEZAAAN INI SEHINGGA MENGAKIBATKAN KUASA ORANG ISLAM DI NEGARA INI MENJADI LEMAH,+ TANYA DATUK SERI DR MAHATHIR YANG MENGAKHIRI LAWATANNYA KE NEGERI INI. -- LAGI.

1710MST 19 10 90

D386

R B961 BAH
MAHATHIR - ISLAM 2 PULAU PINANG

BELIAU MELAHIRKAN RASA DUKACITANYA TERHADAP SIKAP PEMIMPIN PARTI PEMBANGKANG YANG SANGGUP BERBAIK-BAIK DENGAN SEGOLONGAN ORANG DI SABAH YANG HENDAK MEMECAH-BELAHKAN UMAT ISLAM.

+KUMPULAN DI SABAH ITU BERPENDAPAT MEREKA PUNYAI KUASA PENENTU BAGI MENENTUKAN SIAPA YANG AKAN MENERAJUI KERAJAAN PUSAT..., KALAU BETUL, TENTULAH KERAJAAN PUSAT AKAN LEMAH DAN TERPAKSA TUNDUK KEPADA SEGALA KEHENDAKNYA,+ KATANYA.

KETIKA BERCAKAP KEPADA PEMBERITA DI TERMINAL LAMA LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BAYAN LEPAS SEBELUM BERLEPAS KE KANGAR, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, JIKA PAS BERSEDIA MENGADAKAN KERJASAMA DENGAN UMNO, PARTI PEMBANGKANG ITU HENDAKLAH MENGHENTIKAN KERJASAMANYA DENGAN SEMANGAT 46 DAN DAP.

BELIAU BERKATA, PAS PERLU BERBUAT DEMIKIAN SEBAGAI MENANDAKAN KEIKHLASANNYA UNTUK MENGADAKAN KERJASAMA ITU.

+JIKA PAS TERUS MENGADAKAN KERJASAMA DENGAN PARTI PEMBANGKANG LAIN ITU, MAKA SUSAPLAH HENDAK DIADAKAN KERJASAMA DENGAN UMNO,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA, PAS HENDAKLAH MENGHENTIKAN KERJASAMA ITU SEKARANG KERANA MENURUT BELIAU +JIKA SELEPAS PILIHAN RAYA BARU HENDAK DIHENTIKAN, IA TIDAK MEMBAWA ERTI LAGI.+ -- LAGI.

1712MST 19 10 90

D387

R B962 BAH
MAHATHIR - ISLAM 3 PULAU PINANG

BELIAU JUGA BERKATA, DALAM PERTEMUANNYA SELAMA DUA JAM DENGAN PRESIDEN PARTI BERSATU SABAH (PBS) DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN SEMASA LAWATANNYA KE SABAH BARU-BARU INI, DATUK PAIRIN HANYA MENIMBULKAN KEPENTINGAN SABAH SAHAJA DAN TIDAK ADA PERKARA LAIN.

+DATUK PAIRIN BERCAKAP SEOLAH-OLAH SABAH BERADA DI LUAR MALAYSIA+.

MENGENAI PERLETAKAN JAWATAN NAIB PRESIDEN PARTI BERSATU SABAH DATUK KASITAH GADDAM, BELIAU BERKATA, PBS AKAN BERUSAHA MEMECAT MANA-MANA MENTERI PARTINYA APABILA KELIHATAN MENTERI BERKENAAN BERTAMBAH RAPAT DENGAN KERAJAAN PUSAT.

BELIAU JUGA MELAHIRKAN KEYAKINANNYA BAHAWA BARISAN NASIONAL AKAN TERUS MENGEKALKAN PEMERINTAHANNYA DI PULAU PINANG MELALUI PILIHAN RAYA INI DAN LEBIH BANYAK KERUSI PARLIMEN AKAN DIMENANGI DI SELURUH NEGARA. -- BERNAMA.

1714MST 19 10 90